



KEMENTERIAN DALAM NEGERI
JABATAN PENDAFTARAN NEGARA

**KENYATAAN MEDIA
JABATAN PENDAFTARAN NEGARA**

ISU TULAR: 2 INDIVIDU MEMILIKI NOMBOR KAD PENGENALAN YANG SAMA

Jabatan Pendaftaran Negara ingin merujuk isu yang sedang tular di aplikasi WhatsApp dan media sosial ketika ini mengenai dakwaan terdapat 2 individu memiliki nombor kad pengenalan yang sama. Isu yang ditularkan kembali ini merupakan kes pada sekitar tahun 2020 dan JPN juga ketika itu telah mengeluarkan kenyataan rasmi berkaitan perkara ini.

JPN ingin menjelaskan bahawa perkara tersebut telah diselesaikan dan pemilik MyKad tersebut masih lagi memegang nombor Kad Pengenalan itu dan masih berdaftar sebagai pemilih. Siasatan ketika itu mendapati kekeliruan yang berlaku disebabkan terdapat kesilapan semasa proses mendaftarkan nombor telefon dengan pihak Telco berkenaan.

Kedua-dua individu tersebut memiliki nombor Kad Pengenalan yang berbeza di dalam sistem JPN. Warganegara Malaysia hanya akan diberikan dengan satu nombor Kad Pengenalan dua belas digit yang unik di mana nombor tersebut dijana oleh sistem menggunakan formula tertentu. JPN tidak pernah mengeluarkan nombor Kad Pengenalan yang sama kepada individu yang berbeza.

JPN meminta orang ramai tidak mempercayai dan tidak menyebarkan maklumat palsu berkenaan bagi mengelakkan sebarang kekeliruan di kalangan masyarakat. Tindakan undang-undang boleh diambil bagi penyebaran maklumat yang tidak benar oleh individu yang tidak bertanggungjawab.

Sebarang pertanyaan dan kekeliruan berkaitan perkhidmatan JPN orang ramai adalah dinasihatkan untuk hadir ke mana-mana pejabat JPN atau menghubungi Unit Komunikasi Korporat, JPN di talian 03-8880 7077 atau e-mel ke pro@jpn.gov.my.

TAMAT.

JABATAN PENDAFTARAN NEGARA

20 JUN 2023

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah sebuah Jabatan di bawah Kementerian Dalam Negeri yang bertanggungjawab mendaftar peristiwa-peristiwa penting setiap individu seperti maklumat kelahiran, kematian, pengangkatan, perkahwinan dan perceraian. Di samping itu, JPN juga bertanggungjawab dalam menentukan taraf kewarganegaraan dan seterusnya mengeluarkan dokumen identiti individu dalam bentuk kad pengenalan kepada mereka yang layak.

*Dikeluarkan Oleh: Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Pengarah
Jabatan Pendaftaran Negara
Telefon: 03-8880 7077 | E-mel: pro@jpn.gov.my*

LAMPIRAN



Adoii Beto ka cerita ni 🙄🙄🙄🙄

Salam sahabat,

Semalam saya dikejutkan dengan satu keadaan yg amat merisaukan saya sebagai rakyat Malaysia.

Anak saya yg ingin menukar line hp drp digi ke celcom, telah diberitahu bahawa no ic itu bukan kepunyaannya tetapi seorg yg berbangsa Cina. Apabila diterangkan kpd pihak digi, mereka minta semak di bahagian JPN. Dan paling mengejutkan, anak saya sudah mendaftar sebagai pengundi, apabila di semak, nama anak saya hilang.

Mohon sahabat2 semak ic dan daftar mengundi. Beritahu semua org yg anda kenal, sebelum terlambat. Hari ini, anak saya buat report polis dan menguruskan hal tersebut di JPN. Cerita benar. Takut hilang kerakyatan dan mengundi pilihan raya dtg. Saya mohon kekawan semak daftar undi sekarang..nama dan ic. Itu yg pegawai pendaftaran n spr beritahu..

👉Ni dia org cina yg guna no ic anak saya

APA CERITA DAH NI...

Misi ReBRANDIng SEJARAH & AKHIR ZAMAN by @izzuddin.aljitrawiy#melayu #tanahmelayu #berdaulat #malaysia #sejarahmelayu #sejarah #sejarahmis